Rujukan : UKM KPD/262/3
Tarikh : 14 Januari 2019

Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2018-2019**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019 akan **bermula pada 18 Februari 2019**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2018-2019** | Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE.<br>Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus **bermula 18 Februari 2019**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan. |
| **CAJ LEWAT MENDAFTAR** | Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti |

| | |
|---|---|
| | yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP. |
| **DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR** | Pelajar akan diberikan status **"DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR"** jika tidak membuat pendaftaran sehingga **selewat-lewatnya pada 24 Mac 2019.** |
| **JADUAL PERKULIAHAN** | Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP **selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula**. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini. |
| **PEMBAYARAN YURAN** | Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum atau pada 3 Februari 2019.**<br>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.<br>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan **Portal E-Kewangan**. |

| | |
|---|---|
| **MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN** | Pelajar program prasiswazah perlu lulus MUET sebagai salah satu **syarat pengijazahan**. Bagi pelajar bermula Sesi Kemasukan 2016-2017, pelajar perlu memperolehi keputusan MUET sekurang-kurangnya band 2. Manakala pelajar kemasukan sebelum 2016/2017, keputusan MUET sekurang-kurangnya band 1.<br>Pemberitahuan dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) berkenaan tempoh sah laku keputusan MUET adalah seperti berikut:<br><br>a) Bagi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelaum tahun 2009, tempoh sah lakunya adalah hingga 18 Julai 2013.<br>b) Bagi keputusan MUET yang dikeluarkan mulai tahun 2009, tempoh sah lakunya ialah lima tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan. |
| **BIODATA PELAJAR DI SMPE** | Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester. |

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019.

Sekian, selamat maju jaya dan terima kasih.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Pengarah

s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Pentadbiran, PKP
- Bahagian Kewangan, PKP